

Sultan Kedah Dipilih Yang di-Pertuan Agong Baru Sekaligus Catat Sejarah Baru mStar Online

Oktober 15, 2011

KUALA LUMPUR: Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat khasnya pada Jumaat bersetuju mengisytihar Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru berkuatkuasa pada 13 Disember ini untuk tempoh lima tahun.

Sultan Abdul Halim akan turut mencatat sejarah baru iaitu menjadi di-Pertuan Agong buat kali yang kedua dalam sejarah pemerintahan baginda.

Kali pertama baginda menaiki takhta ialah pada tahun 1970 sehingga ke tahun 1975 iaitu sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kelima.

Belum pernah dalam sejarah pelantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak kewujudannya pada tahun 1957, mana-mana Raja atau Sultan menaiki singgahsana takhta negara untuk kali yang kedua.

Sultan Abdul Halim, diputerakan pada 28 Nov 1927 di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.

Baginda menaiki takhta pada 14 Julai, 1958 selepas kemangkatan ayahanda baginda Sultan Badlishah.

Lulusan Wadham College Oxford United Kingdom dengan ijazah Sains Sosial dan Pentadbiran Awam, baginda pernah menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah dalam tahun 1950an.

Sementara itu, Sultan Kelantan Sultan Muhammad V dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong untuk tempoh yang sama, menurut kenyataan akhbar dari Jabatan Perdana Menteri.

Sultan Muhammad V, 42, dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29 pada 13 Sept 2010.

Canselor Universiti Malaysia Kelantan itu diputerakan di Kota Baharu, Kelantan pada 6 Oktober 1969.

Berikut adalah senarai Yang di-Pertuan Agong dari yang pertama sehinggalah yang ke-13:

(1). **Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad** dari Negeri Sembilan, diputerakan pada 1895, memerintah pada 1957-1960, mangkat ketika memerintah pada 1 April 1960.

(2) **Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah** dari Selangor, diputerakan pada 1898, memerintah pada 1960, mangkat ketika memerintah pada 1 September 1960.

(3). **Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail** dari Perlis, diputerakan pada 1920, memerintah pada 1960-1965, mangkat pada 2000.

(4). **Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III** dari Terengganu, diputerakan pada 1907, memerintah pada 1965-1970, mangkat pada 1979.

(5). **Sultan Abdul Halim Al-Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah** dari Kedah, diputerakan pada 1927, memerintah pada 1970-1975.

(6). **Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim Petra** dari Kelantan, diputerakan 1917, memerintah pada 1975-1979, mangkat ketika memerintah pada 29 Mac 1979.

(7). **Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah** dari Pahang, diputerakan pada 1930, memerintah pada 1979-1984.

(8). **Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail** dari Johor, diputerakan pada 1932, memerintah pada 1984-1989, mangkat pada 22 Januari 2010.

(9). **Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzudin Shah** dari Perak, diputerakan pada 1928, memerintah pada 1989-1994.

(10.) **Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman** dari Negeri Sembilan, diputerakan pada 1922, memerintah pada 1994-1999, mangkat pada 27 Disember 2009.

(11). **Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj** dari Selangor, diputerakan 1922, memerintah pada 1999-2001, mangkat ketika memerintah pada 4 Disember 2001.

(12). **Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail** dari Perlis, diputerakan 1943, memerintah pada 2001-2006.

(13). **Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj** dari Terengganu, diputerakan 1962, memerintah pada 2006-2011.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/10/14/mstar_berita/20111014203544&ec=mstar_berita